

06 MAY 1996

Osman-Komen

ADUN KEDAH ENGGAN ULAS PERLETAKAN JAWATAN OSMAN AROFF

ALOR SETAR, 6 Mei (Bernama) -- Beberapa orang Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah yang dihubungi malam ini enggan memberi ulasan tentang pengumuman Pendana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff telah mengemukakan surat perletakan jawatan.

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Kedah Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim yang juga merupakan antara 22 ADUN yang menandatangani memorandum kepada Perdana Menteri mengatakan sokongan kepada Osman baru-baru ini ketika dihubungi enggan mengulas.

Beliau berkata, beliau memerlukan masa untuk mengkaji keadaan sebenar terlebih dahulu dan kenyataan akan dikeluarkan tetapi tidak pasti bila.

Ditanya adakah UMNO negeri akan mengadakan mesyuarat membincangkan perkara itu, beliau berkata itu tidak pasti lagi.

ADUN Tanjung Dawai, Badri Yunus yang dihubungi ketika sedang dalam perjalanan ke Kuala Lumpur juga enggan mengulas lanjut.

Beliau yang juga merupakan antara 22 ADUN yang menandatangani memorandum bagaimanapun berkata akan menerima sesiapa sahaja yang akan dilantik oleh Perdana Menteri untuk menggantikan Osman Aroff.

Ketua Pemuda UMNO Kedah, Ahmad Lebai Sudin ketika dihubungi berkata, pemuda negeri berpegang teguh kepada resolusinya yang memberi mandat penuh kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Mesyuarat pemuda pada 28 Mac lepas telah mengambil keputusan bahawa Dr Mahathir sebagai Presiden UMNO mempunyai hak sepenuhnya dalam perkara pelantikan Menteri Besar dan pemuda akan mematuhi dan menerima keputusan itu, katanya.

Katanya lagi, pemuda sekarang ini hanya menunggu sahaja apa keputusan selanjutnya daripada Dr Mahathir. -- BERNAMA

MZM PR